



Headline: Guru rugi RM7.3 juta angkara Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 23 April 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 13

Guru rugi RM7.3 juta angkara *Macau Scam*

Mangsa panik dituduh
terlibat jenayah
penggubahan wang haram

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR

Gara-gara bimbang didakwa terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram, seorang guru swasta kerugian RM7.3 juta dipercayai ditipu sindiket *Macau Scam* sejak Februari lalu.

Timbalan Pengarah (Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos berkata, mangsa berusia awal 30-an mula dihubungi sindiket yang mendakwa pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Suspek yang menyamar sebagai pegawai LHDN pada mulanya mendakwa mangsa mempunyai cukai tertunggak ber-

jumlah belasan ribu ringgit.

"Mangsa yang agak panik kemudiannya menuruti arahan suspek yang kemudian mahu menyambung panggilan kepada seorang pegawai polis," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut beliau, individu yang mendakwa sebagai pegawai polis itu kemudiannya menyatakan mahu menyemak akaun milik mangsa.

"Mangsa memberikan segala butiran akaun miliknya kepada suspek, kemudian menyatakan kepada mangsa bahawa akaun suspek terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram.

"Jenayah tersebut didakwa dilakukan dalam beberapa akaun milik mangsa yang didaftar atas sebuah syarikat, mangsa pada mulanya menafikan dakwaan tersebut bagaimanapun kemudiannya akur setelah suspek bertindak menyatakan mangsa boleh didakwa dan dikenakan hukuman yang berat," katanya.

Beliau memberitahu, suspek meminta mangsa supaya membuka dua akaun ba-



VICTOR SANJOS

haru untuk dipindahkan kesemua wang dari akaun lama mangsa ke dalam akaun baharu itu bagi tujuan siasatan.

"Mangsa memberikan segala butiran peribadi termasuk nombor akaunnya kepada suspek, ini dilakukan kemungkinan disebabkan mangsa bimbang apabila didakwa terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram.

"Siasatan awal dijalankan mendapati mangsa mengalami kerugian sebanyak RM7.3 juta dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Victor mengingatkan orang ramai agar tidak sewenang-wenangnya memberikan butiran peribadi terutama melibatkan akaun bank kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali.

"Saya mahu menyatakan bahawa tiada siasatan dijalankan polis melalui panggilan telefon dan polis sama sekali tidak meminta butiran peribadi seperti nombor akaun dan sebagainya untuk tujuan siasatan," ujar beliau.